

PTPTN salur zakat kepada 17,800 pelajar

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyalurkan sumbangan zakat kepada 17,800 pelajar asnaf di 178 kawasan terpilih sepanjang tahun ini menerusi kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas).

Pengerusi PTPTN Dr Apli Yusoff berkata, sumbangan zakat berkenaan disalur menerusi program Kembara Keluarga Simpan SSPN 2022 yang bertujuan membantu pelajar asnaf dari aspek pendidikan serta galakan awal memulakan penabungan bagi tujuan pendidikan tinggi mereka.

"Program ini merupakan satu daripada program CSR (Tanggungjawab Sosial Korporat) PTPTN dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM1.78 juta," katanya.

Apli berkata, PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menyokong usaha memartabatkan sektor pendidikan tinggi negara dengan melaksanakan pelbagai insentif dan inisiatif program berimpak tinggi yang bersepada bagi membantu para pelajar dan masyarakat.

Selain program ini, katanya, PTPTN turut menyediakan program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin dan setakat ini, RM142,000 bantuan sara hidup disalurkan kepada 284 pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) kurang berkelebihmampuan seluruh negara.

Secara keseluruhan, sehingga 30 November lalu, PTPTN membantu seramai 3.77 juta pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dengan jumlah pinjaman RM68.22 bilion.